

Rakyat perlu guna lebih banyak tenaga elektrik: PM

MALAYSIA boleh meng-eksport tenaga elektrik ke negara jiran apabila beberapa janakuasa Pengeluar Tenaga Persendirian (IPP) beroperasi tidak lama lagi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata setakat ini Malaysia sudahpun mengeksport gas cecair asli (LNG) ke Singapura dan tidak ada sebab tenaga elektrik tidak boleh dieksport.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan loji janakuasa YTL Power Generation Sdn Bhd (YTL Power) di Paka, Terengganu, beliau berkata, ketika ini Malaysia sudah menjalin memorandum persefahaman (MOU) dengan Thailand untuk menjual 300 Megawatt tenaga elektrik.

Dr Mahathir juga menggalakkan orang ramai menggunakan lebih banyak tenaga elektrik kerana ia boleh mengurangkan kadar bayaran secara keseluruhan.

Kini, penggunaan per kapita tenaga elektrik di Malaysia masih rendah iaitu pada tahap 1,380 kilowatt/jam seorang, berbanding di Singapura 5,659 kilowatt/jam.

Perdana Menteri juga

menggalakkan kerajaan negeri menyalakan lampu jalan pada waktu malam bagi mencantikkan lagi bandar-bandar.

Sementara itu, Pengarah Urusan YTL, Datuk Francis Yeoh, berkata YTL menghargai keyakinan Kerajaan Pusat dan negeri kepada syarikat itu untuk menjadi IPP.

Katanya, YTL Power adalah syarikat IPP pertama di negara ini yang membekalkan tenaga elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Beliau berkata, YTL melabur lebih RM2.5 bilion (AS\$1 bilion) bagi membina lojinya di Paka, Terengganu dan Pasir Gudang, Johor.

Yeoh berkata, janakuasa YTL di Paka mampu membekalkan 808 Megawatt (MW) tenaga manakala janakuasanya di Pasir Gudang sebanyak 404 MW.

Menurutnya, ketika ini ada lima IPP sedang berusaha untuk membekalkan 4,000 Megawatt tenaga yang diperlukan oleh negara.

Beliau menjangkakan keupayaan keperluan bekalan tenaga di Asia menjelang tahun 2000 ialah 300,000 MW.